

DATE: 29/11/2007

Usah perkecil negara sendiri

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 28 Nov. - Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi mengesakan rakyat supaya tidak memperkecilkan kejayaan pembangunan ekonomi negara yang telah dicapai dalam tempoh singkat dan pada masa sama tidak mengabaikan mana-mana kaum.

Perdana Menteri berkata, kejayaan mengubah Malaysia daripada negara pertanian kepada industri adalah sesuatu yang perlu dibanggakan memandangkan ia agak sukar dilakukan berdasar latar belakang masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

Beliau berkata, kerajaan akan terus men-

dengar pandangan semua pihak daripada pelbagai kelompok sosial dan ekonomi termasuk peniaga swasta bagi membolehkan ia mewujudkan dasar terbaik agar negara dapat terus membangun.

"Kita akui agak sukar untuk memuaskan hati semua pihak, tetapi kerajaan menganggap ia sebagai cabaran yang kita akan cuba atasi," katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM) di sebuah hotel di sini, malam ini.

Turut hadir Presiden NCCIM, Syed Ali Mohamed Alattas.

Abdullah yakin, keterbukaan kerajaan untuk mendengar pandangan semua pihak akan membolehkan rakyat negara ini terus hidup dalam keadaan aman dan

UM-29/11/2007
saling bertolak ansur antara satu sama lain.

"Saya juga berharap perkongsian dan kerjasama erat antara masyarakat perniagaan di negara ini yang berbilang kaum dapat dijadikan contoh oleh semua pihak," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri meminta syarikat tempatan supaya bekerjasama sesama mereka dan juga syarikat asing dengan mewujudkan perkongsian dari segi pengetahuan dan kakitangan.

"Walaupun ia kelihatan seperti bertentangan dengan budaya persaingan dalam perniagaan, tetapi saya berpendapat ia adalah langkah terbaik bagi membolehkan syarikat meneroka pasaran luar negara

khususnya dalam bidang kewangan Islam, makanan halal dan bioteknologi," ujarnya.

Katanya, tumpuan juga harus diberikan kepada pasaran ASEAN kerana ia adalah laluan utama bagi membolehkan syarikat berkembang lebih jauh khususnya bagi memasuki pasaran China dan India.

Tambah beliau, syarikat juga perlu mengubah strategi dan bersikap lebih kreatif bagi membolehkan mereka bersaing di pasaran global yang menghadapi pelbagai halangan termasuk kenaikan harga minyak.

"Tumpuan juga harus dibuat bagi memperkenalkan teknologi baru yang dapat mengurangkan kos dan membolehkan syarikat lebih efisien," katanya.